

Info

Lokasi Pasar Pekan Ampang yang akan dirobohkan bagi projek pembangunan semula pasar



Ketua UMNO Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo (dua dari kanan) bersama peniaga membantah cadangan MPAJ untuk merobohkan Pasar Pekan Ampang yang sudah 60 tahun beroperasi, di Ampang.

MPAJ tak ambil peduli rayuan peniaga

➔ Arahan pengosongan Pasar Pekan Ampang ketepi hak, jejas pendapatan penjual

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Ampang

Lebih 300 peniaga Pasar Pekan Ampang yang berniaga di pasar basah itu sejak enam dekad lalu, diarah berpindah oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebelum November ini.

Arahan perpindahan itu adalah muktamad bagi membolehkan projek pembangunan semula pasar dari bangunan setingkat ke dua tingkat dimulakan segera. Berdasarkan kepada papan kenyataan, projek berkenaan sepatutnya bermula pada 12 Mei lalu dan dijangka siap pada 11 Januari 2018.

Pihak MPAJ hanya mengadakan

dua perjumpaan dengan empat ahli jawatankuasa Persatuan Peniaga dan Peniaga Pasar Pekan Ampang (PPPPPA), mengenai arahan pemindahan tanpa memberi peluang kepada peniaga merayu menangkahkan pemindahan itu.

Bantah tindakan MPAJ

Sehubungan itu, lebih 300 peniaga semalam berhimpun di depan pasar itu membuat bantahan terhadap MPAJ yang disifatkan lebih mementingkan 'diri' tanpa mengambil peduli masalah yang bakal dihadapi mereka apabila diarah menutup perniagaan yang diusahakan nenek moyang mereka sejak enam dekad lalu.

Setiausaha PPPPPA, Veronica Liew, berkata keputusan MPAJ itu

tidak mengambil kira usia peniaga yang rata-rata berusia lebih 60 tahun selain sudah berniaga sejak 60 tahun lalu.

Katanya, pihak MPAJ juga tidak mengadakan perjumpaan dengan peniaga berbincang rancangan membangunkan semula pasar sekali gus perlu memindahkan peniaga ke pasar sementara.

"Pada April lalu, MPAJ memanggil empat ahli jawatankuasa persatuan untuk berbincang. Sebaik tamat perjumpaan itu, saya terus berbincang dengan peniaga mengenai pemindahan itu dan mereka tidak setuju.

"Namun seminggu kemudian, saya hadir perjumpaan kedua untuk menyuarakan bantahan peniaga.

"Bagaimanapun, pihak MPAJ ti-

dak mahu mendengar bantahan kami, sebaliknya mengarahkan kami mendengar segala apa yang diarah tanpa membantah kerana mendakwa mereka lebih berkuasa," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan membantah projek pembangunan semula pasar pekan Ampang di depan pasar berkenaan, semalam.

Tanggung kerja meroboh

Selain itu, katanya, kontraktor yang dipilih sudah memulakan kerja dengan meletakkan dua kontena di sebelah pasar berkenaan pada bulan lalu, namun dihalang peniaga menyebabkan mereka menangkahkan kerja meroboh bangunan pasar berkenaan.

Sementara itu, wakil Badan Ke-

Bimbang nama tak tersenarai apabila pasar baharu siap

Ampang: Peniaga pasar pekan Ampang bimbang nama mereka akan tercicir dalam senarai peniaga yang bakal dipilih selepas projek pembangunan semula pasar berkenaan siap pada 2018.

Mereka yang rata-rata sudah berniaga sejak enam dekad lalu mahu Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memberi jaminan mereka dipilih untuk terus berniaga di pasar yang turut dikenali sebagai 'pasar Cina' dalam kalangan penduduk setempat.

Peniaga sayur, Sim Kiong, 77, yang menjadikan pasar itu sebagai 'rumah keduanya' mula berniaga sejak kecil lagi membantu ibu bapanya mencari rezeki di pasar berkenaan.

Katanya, sepanjang enam dekad pasar itu beroperasi pelbagai perubahan fizikal dilakukan peniaga ke atas ruang perniagaan terbuka yang hanya berbumbung tanpa dinding.

Kurang menarik perhatian

"Kami sudah banyak habiskan duit untuk baiki kedai kami, tapi sekarang mahu roboh begitu saja. Saya juga diberitahu tempat kami berniaga akan diganti dengan pembinaan bangunan dua tingkat tertutup dan kurang menarik perhatian pelanggan."

"Kami takut pelanggan tidak akan datang sebab tertutup dan terpaksa panjat tangga dua tingkat," katanya.

Penjaja sayur, Mardalena Ramli, 42, bimbang beliau tidak dapat berniaga lagi kerana mungkin tidak terpilih disebabkan ruang niaga yang terhad.

"Saya bimbang punca pendapatan akan hilang jika pembinaan semula bangunan pasar dilaksanakan nanti kerana kekurangan tempat disediakan," katanya.

Justeru, beliau meminta MPAJ turut memikirkan nasib penjaja yang sudah lama berniaga di pasar berkenaan kerana difahamkan hanya peniaga yang mempunyai kedai diutamakan berpindah di bangunan

pasar baharu.

"Saya difahamkan bangunan pasar itu hanya boleh menampung 300 peniaga sedangkan bilangan kami lebih daripada itu (300 peniaga)," katanya.

300 tapak baharu

Peniaga nasi lemak, Khazura Anwar, 45, berkata bangunan pasar dua tingkat akan menyukarkan peniaga untuk memindah barang jualan berikutan ramai antara mereka sudah berusia 60 tahun ke atas.

"Semua peniaga dekat pasar ini sudah berumur. MPAJ tidak memikirkan semua itu, sebaliknya mementingkan diri sendiri dan hanya ingin keuntungan saja."

"Kami juga bimbang akan dihalau jika berniaga di tapak pasar sementara kerana MPAJ tidak mendapat persetujuan daripada pemilik tanah. Bekalan air dan elektrik juga tidak disediakan, sebaliknya terus mengarah kami untuk menguruskan sendiri perkara itu."

"Tambahan pula, kawasannya tidak selesa kerana penuh lopak air dan berselut. Saya yakin tidak ramai pelanggan akan singgah kerana tidak selesa selain susah untuk mendapat parkir," katanya.

Seorang penduduk, Ng Thiam Cho, 60, turut terkesan dengan penyediaan tapak baharu apabila tanaman sayur yang lebih lima tahun dimusnahkan tanpa dimaklumkan terlebih dulu.

"Ketika pentadbiran Barisan Nasional (BN) pada 2010 lalu, saya menerima RM5,000 sebagai modal untuk memulakan tanaman sayur sebelum dijual di Pasar Pekan Ampang."

"Namun, beberapa minggu lalu, semua tanaman saya musnah kerana mereka ingin meratakan kawasan berkenaan untuk penyediaan tapak sementara. Saya sedar ia bukan tanah saya, tapi saya mendapat kebenaran untuk menanam di kawasan berkenaan," katanya yang mengaku rugi RM3,000.

Penduduk Taman Putra bantah bina stor



(FOTO SUBRIANE MOHD HANIF/BH)

Fakta
nombor

2 MINGGU

tempoh diberi kepada pemilik merobohkan stor dua tingkat

Kok Wee (kanan) bersama penduduk menunjukkan pembinaan stor dua tingkat bersebelahan Dewan Orang Ramai dan Pusat Perkhidmatan Ahli Majlis MPAJ Zon 22, di Taman Putra, Ampang, semalam.

➔ **Pemilik diberi tempoh 2 minggu sebelum serah memorandum**

Oleh **Wan Nur Faliqha Wan Hazani**
bhnews@bh.com.my

► Ampang

Penduduk sekitar Taman Putra, Ampang, membantah pembinaan stor yang dibangunkan di Dewan Orang Ramai dan Pusat Perkhidmatan Ahli Majlis MPAJ Zon 22 di sini, semalam.

Pembinaan yang dilaksanakan hampir sebulan itu tidak dimaklumkan kepada penduduk sekali gus menjadi tanda tanya mengenai kegunaan serta kepentingannya.

Ketua MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee, berkata beliau dimaklumkan oleh penduduk pada asalnya kawa-

san terbabit hanya akan dibuat jalan raya sahaja.

"Namun, sebulan yang lalu penduduk mendapati kawasan ini dibangunkan stor untuk menyimpan barangan seperti khemah kenduri, kerusi dan meja makan.

Tak ada maklum balas ADUN

"Mereka cuba untuk mendapatkan jawapan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Tiew Way Keng dan pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Rabu lalu tetapi tidak mendapat sebarang maklum balas," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, pembinaan itu juga kemungkinan tidak mempunyai kelulusan yang sah kerana

tiada papan tanda pengesahan untuk membinanya di sini.

Katanya, Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli dan Way Keng perlu memandang serius isu berkenaan kerana membabitkan penduduk sekitar yang menggunakan kawasan itu sebagai aktiviti kemasyarakatan.

Beri tempoh dua minggu

"Kami memberi tempoh selama dua minggu kepada orang yang bertanggungjawab ke atas pembinaan stor ini untuk merobohkannya.

"Jika tiada tindakan, kami akan menghantar memorandum kepada Yand Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali," katanya.



Nazmi Faiz (kiri) merai jaringan bersama rakan sepasukan Selangor ketika menentang PKNS FC, kelmarin.

Agresif punca Selangor mara

➔ Jaringan tunggal Nazmi bolehkan juara 33 kali itu jumpa T-Team pada separuh akhir

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mentaliti untuk bermain secara agresif dan terus menyerang disifatkan menjadi faktor utama Selangor mampu menundukkan PKNS FC 1-0 pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia sekali gus mara ke separuh akhir menerusi agregat 5-3.

Pengendali sementara The Red Giants, K Gunalan mengakui corak persembahan menyerang yang diperagakan anak buahnya membolehkan penyandang juara itu menguasai sebahagian besar permainan dan dalam masa sama mengekang hasrat 'adiknya' untuk memburu gol di tempat lawan.

"Persembahan yang baik daripada pemain dan meskipun

mendahului empat gol di tempat lawan, mereka tetap berterusan menyerang bagi mendapatkan gol.

"Ini memberi momentum yang baik untuk kita apabila kita sering mengasak pasukan lawan dan mampu mencipta beberapa peluang tetapi tidak dapat disudahkan dengan baik.

"Mujur jaringan daripada Nazmi Faiz Mansor memberi nafas baharu kepada pasukan dan walaupun hanya satu gol, saya berpuas hati dengan sumbangan pemain yang beraksi di barisan serangan," katanya pada sidang media selepas tamat perlawanan, kelmarin.

Jaringan tunggal pemain kebangsaan itu pada minit ke-54 sudah cukup membolehkan juara 33 kali itu menempah pertemuan menentang T-Team pada separuh akhir selepas merakam agregat selesa 5-3 hasil

kemenangan 4-3 pada aksi suku akhir pertama.

Dalam masa sama, bekas pertahanan skuad Merah Kuning era 90an itu turut melontarkan pujian terhadap barisan pertahanan yang beraksi kemas 'merantai' pergerakan trio import PKNS FC sehingga gagal menyerlah pada aksi penting itu.

"Barisan pertahanan mula menunjukkan peningkatan dengan kembalinya pertahanan import, Ugo Ukah yang membentuk gandingan mantap bersama Rizal Fahmi Rosid.

"Bunyamin Umar dan Azmi Muslim juga kian bertambah baik terutama dalam membantu menjana serangan daripada bahagian tepi, jadi saya mengharapkan persefahaman yang mantap sebegini dapat diteruskan pada perlawanan seterusnya," katanya.

'Persempadanan semula tidak adil'

PKR dakwa ia akan akibatkan 18 daripada 89 kerusi pembangkang dalam bahaya kerana wujudkan polarisasi kaum

NINA FARZUIN MD SHAROM

PETALING JAYA—Persempadanan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah satu pengkhianatan terhadap perlembagaan Malaysia.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar berkata, proses itu akan mengakibatkan 18 daripada 89 kerusi yang dimiliki pembangkang dalam ancaman bahaya kerana didakwa mewujudkan polarisasi kaum di negara ini.

"Pada perubahan itu, kita boleh lihat perbezaan di kawasan-kawasan yang dikuasai Umno yang mana bilangan pengundi Melayu bertambah, manakala pengundi bukan Melayu meningkat di kawasan-kawasan pembangkang.

"Sebagai contoh, di Lembah Pantai pengundi Melayu bertambah 10 peratus, sementara pengundi Cina turun 8 peratus sama seperti yang berlaku di Titivangsa.

"Sudah tentu persempadanan semula ini perlu ditolak kerana ia tidak bersifat adil malah perlaksanaannya yang tidak mematuhi perlembagaan akan memberi kesan yang buruk kepada negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini, semalam.

Nurul Izzah, yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai berkata, SPR seharusnya memberi keutamaan dalam memastikan pilihan raya dilaksanakan dengan adil dan bebas.

"Ketika fasa PRN Sarawak lalu,



Nurul Izzah, Tian Chua (tengah), diiringi pemimpin-pemimpin lain, menunjukkan peta persempadanan semula SPR kepada pimpinan PKR yang hadir pada sidang media, semalam. - Foto : SHARIFUDIN ABD RAHIM

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Yew Jen Kie telah membatalkan syor-syor bahagian pilihan raya untuk menentukan sempadan pengundi yang dikemukakan oleh SPR kerana gagal mematuhi keperluan dalam Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

"Seperti yang diputuskan dalam penghakimannya, pengundi tidak dapat mengetahui sama ada mereka telah dipindahkan ke kawasan baharu. Ketika itu ia hanya melibatkan satu negeri, tetapi sekarang merebak ke seluruh Malaysia pula," katanya.

Beliau mendakwa persempadanan semula adalah kaedah yang diguna pakai oleh Umno untuk memerintah dan mengawal elit politik di negara

ini.

"Ia perlu ditolak serta-merta selagi SPR tidak mematuhi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai cadangan Reformasi Pilihan Raya yang mempunyai tiga badan bebas berasingan untuk mengawal proses, fungsi dan kajian semula kawasan pilihan raya," ujarnya.

Jelas Nurul Izzah, melalui syor-syor yang dikemukakan, keadaan ketidaksamarataan antara jumlah pengundi di satu kawasan akan menjadi lebih parah.

"Lihat sahaja kesan persempadanan semula ini kepada Selangor yang berisiko tinggi kembali ke tangan BN walaupun Menteri Besarinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

mendapat sokongan 65 peratus.

"Iajugabukan hanya menyebabkan BN berada di tampuk pemerintahan selesa, tetapi berupaya mendapat dua pertiga majoriti dalam Parlimen," ulasnya.

Seorang lagi Naib Presiden PKR, Tian Chua, berpendapat, pelaksanaan perubahan itu hanya akan mengundang masalah yang lebih besar kepada negara.

"Isu yang timbul bukanlah mengenai persaingan yang berlaku kepada pembangkang dengan kerajaan pemerintah tetapi pelaksanaan sistem pilihan raya yang akan memberi kesan kepada perlembagaan dan negara,

"Persoalan utama di sini bukanlah

“Sudah tentu persempadanan semula ini perlu ditolak kerana ia tidak bersifat adil, malah perlaksanaannya yang tidak mematuhi perlembagaan akan memberi kesan yang buruk kepada negara.”
- Nurul Izzah

parti mana yang akan menang atau kalah kerana akhirnya jika perubahan ini dilakukan ia hanya akan mewujudkan polarisasi kaum yang ketara," katanya.

Untuk rekod, SPR melaksanakan Kajian Semula Persempadanan bagi kerusi Parlimen dan Dun bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah, bermula Khamis lalu.

Setiausaha SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh berkata, kajian semula itu dilaksanakan mengikut peruntukan Fasal (2) Perakara 113 Perlembagaan Persekutuan dan pindaan kepada Fasal (2) Perakara 14 Perlembagaan Negeri Sabah yang diwartakan pada 18 Ogos lalu.

Beliau berkata, SPR akan mempamerkan Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah selama satu bulan bermula Khamis ini hingga 14 Oktober.

Buka peluang rezeki untuk rakyat PPR

SHAH ALAM

- Kerajaan negeri perlu beri perhatian kepada PPR yang ada, memandangkan Selangor dikenali sebagai negeri kemasukan.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin berkata,

ia penting dalam usaha untuk menjaga identiti negeri.

"Selangor berkemampuan dan perlu untuk baik pulih PPR. Tambahan, ia dikenali sebagai negeri perbandaran dan negeri kemasukan.

"Ia antara sebab kukuh bagi memastikan negara luar tidak menilai keupayaan negeri melalui keadaan kemudahan yang disediakan kepada rakyat," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga perlu memikirkan alternatif lain bagi memastikan penyewa-penyewa PPR berkeupayaan untuk memberi komitmen bulanan.

"Walaupun sewa bulanan rendah, masih ada yang tidak berkemampuan. Kerajaan negeri perlu cari jalan untuk bantu penduduk raih pendapat-



AMIR

an supaya ia selari dengan usaha yang dilakukan.

"Boleh cuba buka peluang perniagaan secara kecil-kecilan untuk memastikan penghuni mampu bayar sewa bulanan di samping menyara keluarga," katanya.

Selain itu katanya, penduduk PPR sendiri perlu menyokong

usaha-usaha kerajaan negeri bagi memastikan matlamat tercapai.

"Kerajaan negeri perlu asuh dan pupuk kesedaran di kalangan mereka. Di samping itu penduduk perlu sedar dan bersyukur dengan kemudahan yang disediakan.

"Persatuan penduduk pula perlu lebih aktif melalui program-program yang melibatkan semua penghuni seperti gotong-royong dan aktiviti kesedaran," katanya.

Selain itu katanya, matlamat PPR masih belum tercapai sepenuhnya kerana kemudahan PPR masih belum dinikmati secara menyeluruh.

"Masih ada kawasan yang tak dapat menikmati kemudahan tersebut terutamanya di kawasan pinggir dan ia perlu diperluaskan," katanya.

'Kami bantah pindah kubur'

Waris Tanah Perkuburan Simpang Lima minta penjelasan

■ MARLIA ZAKARIA

KLANG - Lebih 100 waris Tanah Perkuburan Simpang Lima hampa apabila wakil Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tidak memunculkan diri untuk memberi taklimat seperti dijanjikan.

Timbalan Pengerusi Alumni Gerakan Belia 4B Parlimen Kota Raja, Mohd Ali Zakaria, berkata, waris yang datang mahukan keputusan dan penjelasan mengenai bahagian perkuburan terlibat dalam projek pembangunan landasan perkhidmatan transit aliran ringan ketiganya (LRT3) bermula dari Stesen Mass Rapid Transit (MRT) Sri Pentas, Bandar Utama dan berakhir di Johan Setia, Klang.

"Kami dapat *WhatsApp* dari Jais mengatakan waris kena berkumpul dan mereka akan bagi taklimat. Tapi kita tunggu dari pagi tak

sampai-sampai.

"Ramai waris datang nak tahu keputusan sama ada nak alihkan atau tidak. Begitu juga dengan syarat dan bahagian mana terlibat," katanya.

Mohd Ali berkata, pihaknya sangat mengalu-alukan pembangunan namun memohon pihak berkenaan pertimbang semula cadangan pengalihan kubur tersebut.

"Kami bukan tak nak pembangunan, malah mengalu-alukan. Tapi kami minta jasa baik kerajaan negeri dan kerajaan pusat untuk timbang balik, lencongkan ke tempat lain.

"Majoriti waris memang tak setuju. Sebelum ni pun Taman Berkeley ada buat bantahan dan mereka boleh alihkan laluan LRT3 tu. Kubur kat sini pun ada yang dah lebih 100 tahun," katanya.



Antara waris sedang menanti kedatangan wakil Jais.



Hasimah Mohd Ariff, 54, dan bapa saudara, Ahmad Hashim, 73, sedang mengenal pasti kubur nenek, datuk serta moyangnya.



Tuan Sharifah Aziza, 59, berkesempatan menyiram air di kubur anaknya.

Cari penyelesaian terbaik

HALIZA Abdul Halim, 55, turut hadir bagi mendapatkan kepastian sama ada kubur arwah ibu dan moyangnya terlibat atau tidak dalam pengalihan tersebut.

"Saya nak kepastian sama ada kubur ahli keluarga saya termasuk arwah mak dan makam moyang yang merupakan orang pertama membawa tarekat di Selangor.

"Kalau tak terlibat, syukur. Ia adalah satu-satunya makam yang ada malah ramai juga alim ulama disembadikan di sini," katanya.

Aminah Md Said, 63, amat berharap pihak berkaitan membuat penyelesaian terbaik termasuk al-

ternatif membuat lencongan.

"Bukan kata tak setuju, tapi kalau boleh diselesaikan masalah ni adalah lebih baik. Kalau ada lencongan, buatlah tempat lain.

"Ramai ahli keluarga saya dikebumikan di sini kira-kira 10 orang termasuk ayah dan mak," katanya.

Sebelumnya, Sinar Harian melaporkan Pengarah Jais, Datuk Haris Kasim akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak konsesi dan kariah perkuburan dalam masa terdekat.

"Terdapat beberapa perkara teknikal yang perlu dijelaskan dalam mesyuarat yang akan diada-

kan minggu depan (minggu ini)," katanya.

Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sebelum ini mengumumkan projek pembangunan landasan perkhidmatan transit aliran ringan ketiganya (LRT3) bermula dari Stesen Mass Rapid Transit (MRT) Sri Pentas, Bandar Utama dan berakhir di Johan Setia, Klang.

Pengarah Urusan Prasarana, Azmi Abdul Aziz berkata, pembinaan landasan LRT3 baharu itu melibatkan jarak 36 kilometer dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2020.

Sanggup datang dari jauh

SEMENTARA itu antara waris yang hadir, Syed Kamaruzzaman Syed Abu Bakar, melahirkan rasa tidak puas hati kerana terpaksa datang dari jauh bagi tujuan tersebut.

"Saya datang dari Kluang, Johor tengah malam tadi untuk taklimat tersebut tapi malangnya tak jadi. Sepatutnya maklumkan lebih awal tak perlu saya membazir masa dan wang ringgit untuk datang.

"Saya tak berkenan kubur ni dipindahkan. Kenapa kubur bangsa lain susah nak diusik, yang jadi mangsa kubur Islam kita," katanya.

Syed Ramli Syed Abu Bakar pula meminta agar pihak atasan ambil tindakan sewajarnya memandangkan majoriti waris tidak bersetuju.

"Kubur ibu saya juga di sini. Pihak atasan perlu lakukan sesuatu bimbang ia berkaitan rasuah. Kalau nak lakukan pembangunan sekali pun, jangan nafi hak orang Islam," katanya.

Berbeza pula pandangan Yusaini Hamid, 49, yang sanggup datang dari

Negeri Sembilan bagi tujuan sama.

"Kalau nak pindahkan juga, saya sokong. Tapi saya mahu ia dialihkan ke tanah perkuburan baru yang lebih luas memandangkan saya juga menyokong pembangunan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jais, Datuk Haris Kasim ketika dihubungi semalam memaklumkan pihaknya tidak tahu menahu berhubung perkara tersebut (jumpa waris).

"Saya dah bercakap dengan pegawai tadbir agama Klang. Dia pun tidak tahu menahu tentang perjumpaan tu.

"Jadi saya tak boleh komen apa-apa tentang perjumpaan pagi tadi (semalam)," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan pemaju berkaitan bantahan tersebut.

"Jais akan mengadakan perjumpaan dengan pemaju berkaitan bantahan ni. Pihak pemaju akan beri taklimat kepada penduduk hasil mesyuarat nanti," katanya.



Zaharah Mohd Sarif, 36, (dua, kanan) bersama keluarga sempat menziarahi kubur arwah ibunya.

Bantuan peralatan dibekalkan

Tiada sebab peserta kursus tidak boleh mulakan kerjaya mereka

KUALA SELANGOR - "Tiada sebab selepas kursus ini tamat, peserta tidak boleh memulakan kerjaya kerana mereka sudah dibekalkan pelbagai peralatan bernilai hampir RM9,000," demikian kata Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi itu menegaskan, kerajaan negeri memperuntukkan hampir RM1 juta untuk peserta bagi tujuan itu.

Menurutnya, kerajaan negeri mahu pembangunan ekonomi rakyat di luar bandar dapat ditingkatkan melalui Program Kursus Pembangunan Usahawan Industri Komuniti Kampung.

"Usaha ini bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan peringkat desa dengan kursus

kemahiran yang boleh menjana pendapatan dan sumber ekonomi keluarga yang boleh mencecah RM1,600 sebulan.

"Kursus ini juga kesinambungan program terdahulu, cuma ada penambahan bergantung kepada kekuatan sumber kewangan negeri dan mungkin kursus lain ditambah untuk penganjuran tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sijil dan Peralatan Program Pembangunan Usahawan Industri Komuniti Kampung 2016 di Auditorium Kolej Inpens Kuala Selangor.

Dr Ahmad Yunus berkata, program ini bukanlah sekadar kursus biasa namun menjadi titik permulaan untuk menjangkau lebih daripada matlamat yang ditetapkan.



Dr Ahmad Yunus (tengah) menerangkan mengenai peruntukan hampir RM1 juta yang disediakan kerajaan negeri bagi membantu peserta kursus.

"Kerajaan negeri juga akan mewujudkan pusat inkubator di empat daerah lagi bagi membangunkan bidang tertentu untuk pelatih yang akan memulakan kerjaya selepas tamat kursus. Setakat ini, pusat

inkubator sudah dibangunkan di Kuala Selangor, Klang, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sungai Besar dan diharapkan akan menarik lebih ramai anak Selangor.

"Kita bantu setiap peserta

dengan kelengkapan yang dianggarkan bernilai RM8,000 sehingga RM9,000 bergantung kursus masing-masing dan untuk rekod, hampir 90 peratus peserta berjaya," katanya.

Sementara itu, Pemangku

Ketua Eksekutif Inpens, Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata, sokongan kerajaan negeri penting bagi membantu menjayakan setiap program yang dikendalikan Kolej Inpens Kuala Selangor.

"Secara peribadi, pada awalnya saya sendiri tidak yakin dengan kemampuan kursus singkat ini tapi selepas lihat perkembangan pelatih yang tekun belajar, saya percaya mereka mampu berjaya. Saya percaya bidang kemahiran ini juga dalam bentuk ibadah dan kerjaya murni yang boleh memberi pendapatan lumayan.

"Saya harap peserta kursus dapat mengembangkan lagi kemahiran supaya lebih berjaya lagi pada masa akan datang dan berkongsi ilmu dengan pelatih baru. Jika usaha ini berjaya, program akan diteruskan," katanya.

Disiplin julang Red Giants



Pemain Selangor, Ugochukwu Ukan cuba menanduk bola pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia menentang PKNS di Stadium Shah Alam, kelmarin. - Foto: BERNAMA

SEMANGAT juang dan disiplin tinggi semasa beraksi di Stadium Shah Alam kelmarin menjadi kunci kejayaan Selangor menumpaskan PKNS FC pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia.

Kemenangan tipis 1-0 menerusi jaringan Nazmi Faiz Mansor minit ke-55 sudah cukup untuk penyandang juara itu mara menerusi agregat 5-3.

Pengendali sementara Selangor, K Gunalan berkata, dia bangga dengan semangat juang tinggi pemain *The Red Giants* walaupun berdepan prestasi kurang baik kempen Liga Super.

"Saya rasa mereka tidak memikirkan masalah peng-

urusan FAS dan krisis di luar sana kerana saya nampak mereka tetap bersemangat dan fokus dalam perlawanan

"Saya kagumi sikap dan disiplin ditunjukkan pemain sepanjang tempoh berkenaan hingga berjaya mengekang setiap asakan lawan.

"Pemain bermain sebagai satu unit dan saling membantu antara satu sama lain. Kesungguhan tinggi ini menunjukkan mereka tahu ini satu-satunya peluang kita menjulang piala musim ini selepas gagal dalam Liga Super dan Piala FA," katanya.

Mengulas pertemuan dengan T-Team pada aksi separuh akhir nanti, Gunalan enggan memandang mudah

cabaran *The Titans*.

"T-Team pasukan yang cukup baik jika berdasarkan prestasi mereka kebelakangan ini kerana bukan mudah untuk menyingkirkan Felda United yang cukup berdisiplin.

"Tapi T-Team dua kali menewaskan Felda pada aksi liga di tempat sendiri dan aksi suku akhir kedua semalam. Jadi saya rasa kita perlu berhati-hati kerana pasukan lawan pada tahap keyakinan cukup tinggi ketika ini.

"Bagaimanapun, saya berharap pemain Selangor sendiri dapat memberikan persembahan terbaik dan dengan hanya dua perlawanan lagi sebelum ke pentas final," jelasnya.

Waris gesa jajaran projek LRT3 di Simpang Lima, Klang dialihkan

Selamatkan kubur berusia 100 tahun

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KLANG – Kira-kira 100 penduduk menggesa agar laluan projek rel bandar, Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dialihkan agar tidak menjejaskan kawasan Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima di sini yang telah berusia lebih 100 tahun.

Mereka yang merupakan waris kepada jenazah yang telah dikuburkan di kawasan tersebut meminta pihak berkenaan mengambil kira sensitiviti masyarakat Islam sebelum melaksanakan projek berkenaan.

Kosmo! difahamkan, lebih 200 lot kubur di tanah perkuburan tersebut terpaksa dipindahkan berikutan pengambilan tanah bagi memberikan laluan kepada projek tersebut.

Seorang waris, Syed Ramli Syed Abu Bakar, 55, berkata, pihaknya mahu jajaran LRT3 dialihkan agar tidak mengganggu tanah perkuburan Islam tersebut.

"Kita tidak halang pembangunan tetapi ia mestilah menghormati sensitiviti orang Islam. Tanah perkuburan ini su-



SYED YUSAINI



SYED RAMLI



KAWASAN ditandakan dengan tali terikat dengan jajaran projek LRT3 di Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima.



PENDUDUK meninjau kubur ahli keluarga mereka di Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima, Klang semalam.

dah melebihi 100 tahun," katanya ketika ditemui pemberita di Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Syed Yusaini Hamer, 49, berkata, sekiranya pihak terbabit tidak dapat mengalihkan laluan projek LRT3 tersebut, pihaknya berharap sebuah tapak perkuburan baharu yang lebih luas dapat disediakan sebagai ganti kepada tanah yang bakal diambil.

"Tanah yang digantikan nanti diharapkan bukan hanya dapat menempatkan semula kubur yang terpaksa dipindahkan malah dapat menyediakan kawasan yang lebih luas bagi kegunaan ahli kariah di sini pada masa akan datang," ujarnya.

Projek LRT3 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 24 Ogos lalu melibatkan jajaran sepanjang 37 kilometer dan ia menyediakan kemudahan bagi penumpang di Klang, Shah Alam dan Petaling Jaya.

Kerja-kerja pembinaan LRT3 dijadualkan bermula awal tahun 2017 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2020 dengan kos kira-kira RM9 bilion.

Laluan projek LRT3 akan menghubungkan Bandar Utama, Petaling Jaya hingga ke Johan Setia, Klang dengan salah satu laluan melibatkan persimpangan Simpang Lima di sini.

JAJARAN projek LRT3 dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang.



Selangor hampiri Misi34

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

SEGALANYA serba menjadi buat juara bertahan, Selangor ketika membenam PKNS FC 1-0 pada aksi suku akhir kedua kempen Piala Malaysia 2016 walaupun berjaya mengesahkan tempat ke pusingan separuh akhir kejohanan berprestij itu.



Selangor mara dengan kelebihan agregat 5-3 selepas mencatat kemenangan 1-0 ke atas PKNS FC pada aksi suku akhir kedua di Stadium Shah

Alam malam kelmarin.

Pada aksi pertama sebelum ini, Selangor menang 4-3.

Meskipun dilanda pelbagai masalah dalaman termasuk tewas dengan pasukan tercorot Liga Super, Pahang dalam perlawanan terakhir mereka, skuad Gergasi Merah berjaya membuktikan status sebagai pasukan pilihan apabila mendominasi dengan penuh bergaya keseluruhan aksi saingan tersebut.

Menurut pemangku jurulatih, K. Gunal-

PIALA MALAYSIA

JADUAL PERLAWANAN

SEPARUH AKHIR PERTAMA

30 September

KEDAH	lwn	PDRM
(Stadium Darulaman, Alor Setar, 9 mlm)		
SELANGOR	lwn	T-TEAM
(Stadium Shah Alam, 9 mlm)		

an, anak-anak buahnya telah mempamerkan persembahan cukup bertenaga khususnya sepanjang separuh masa pertama apabila melakukan rentetan percubaan tepat tetapi berjaya dinafikan oleh ketangkasan penjaga gol lawan, Nor Haziq Aris.

"Meskipun kita sudah menang pada saingan suku akhir pertama sebelum ini, pemain tetap mempamerkan rentak positif selain menunjukkan kesungguhan yang tinggi kerana mereka tahu inilah satu-satunya peluang untuk menjulang piala selepas gagal dalam Liga Super dan Piala FA.

"Mengenal perlawanan tersebut, saya lihat babak pertama kita dapat tiga

atau empat peluang terbaik untuk menjaringkan gol tetapi malangnya tendangan semuanya ke arah penjaga gol. "Namun, jaringan Nazmi (Faiz) pada awal babak kedua memberikan aura dan semangat buat barisan pemain kerana mereka hanya perlu mengekalkan momentum yang sama memandangkan kedudukan agregat memihak kepada Selangor," kata Gunalan yang mengambil alih tugas Zainal Abidin Hassan yang dipecat pada bulan lepas.

Kini, Selangor yang merekodkan kemenangan Piala Malaysia sebanyak 33 kali akan berdepan dengan skuad T-Team di peringkat separuh akhir yang dijadualkan berlangsung pada 30 September depan.

Sementara itu, pengendali PKNS, E. Elavarasan mengakui pasukan Selangor berhak untuk melangkah ke pusingan seterusnya memandangkan mereka beraksi lebih baik dalam kedua-dua perlawanan.

"Saya anggap kami telah tewas kepada pasukan yang saya lebih baik. Sejak kami tewas suku akhir pertama (4-3), kelebihan sememangnya sudah berada di pihak mereka. Mereka menguasai keseluruhan saingan dari bahagian pertahanan hingga ke serangan," jelasnya yang telah membawa PKNS mara ke perlawanan akhir Superbest Power Piala FA musim ini.



NAZMI (kanan) menjaringkan gol kemenangan Selangor pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia 2016 menentang PKNS FC di Shah Alam malam kelmarin.

Harian Metro-pg22

Selangor kekal catat + kes denggi tertinggi

Kuala Lumpur: Selangor masih kekal sebagai negeri paling banyak mencatatkan kes denggi dengan 41,635 kes daripada 79,706 kes yang direkodkan di seluruh negara sepanjang tahun ini hingga Sabtu lalu.

Berdasarkan statistik denggi oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan Kementerian Kesihatan, untuk kes harian juga, Selangor turut mendahului dengan 113 kes sehari yang direkodkan pada Sabtu lalu.

Kawasan lokaliti 'hot spot' yang dikenal pasti sehingga 3 September lalu adalah di sekitar Daerah Petaling iaitu

di PJS 9/1 (Lagoon Perdana dan rumah kedai), Sri PJS 8 Mentari Court, Seksyen 15 (Dataran Otomobil), PJU 10 Apartment Permai serta Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam.

Johor pula mempunyai jumlah kes kedua tertinggi sebanyak 9,098 kes denggi manakala 11 kes harian, Sabtu lalu.

Selain itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut merekodkan jumlah kes ketiga tertinggi iaitu sebanyak 6,253 kes dan negeri keempat tertinggi adalah Kelantan dengan 4,056 kes denggi.

Pavers are loose, says MBPJ

PJ folk unhappy even as council explains reason for project in Jalan Yong Shook Lin

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriva@thestar.com.my

FREQUENT visitors and business operators at Jalan Yong Shook Lin in Petaling Jaya are questioning the need to change road interlocking pavers that show no signs of damage or decay.

According to a Petaling Jaya City Council (MBPJ) spokesman, road widening and the wear and tear process had damaged the pavers, which were being held together with temporary premix.

But in the long term, the spokesman said, it was necessary to change the pavers, otherwise they would become less sturdy.

"With the road widening, the interlocking pavers had become loose. Both sides of the road were damaged and we had to hold it together with premix as a temporary measure.

"The size of the damaged area was almost half the road. This was visible on the sides. The feature of interlocking pavers is such that when some of them give way, the entire road becomes less sturdy," he said.

The project by MBPJ started last week and expected to be complete on Oct 4.

StarMetro received several queries about the project.

A restaurant owner, who wished to be known only as Ritz, said the old pavers were removed earlier this week and the road was now dusty.

There had been no signboards put up to inform the public about the project, he said.

"The dust is all over the shop-lots, especially in the afternoon. I have a food business and I am not happy. Who would want to eat at a dusty place?"

"Even the cars that pass this area are covered with dust.

"I am curious why the council

has to change the pavers when they look fine. I have not spotted any extensive damage. It looks alright to my eyes and I think others would share my sentiment," he said.

The MBPJ spokesman said he had informed the contractor to put up signboards on the project and fulfil other requirements.

"I told the contractor that he must place signboards and provide proper lighting in the area. This is important for motorists at night. He has yet to adhere to my request and I am going to give him a warning and make sure he does it," he said.

The spokesman added that it would be ideal for the project contractor to remove all the tiles and carry out the placement of the interlocking pavers at one go.

This would provide better results and stronger interlocks.

However, the council did remind the contractor to split the work into two phases.

As for the dust, the spokesman said this was because the sand used to place the pavers must be dry.

"I understand it is dusty and it gets worse during the hot weather. However, the process is such that the finished work would be better when the sand is dry. Otherwise, the tiles will loosen and we won't get good results," he said.

Road users are reminded to be careful as only one lane will be in use during the project.

The cost for the placement of new pavers was included in the budget for the one-way loop.

The total cost of the one-way loop project is RM23.8mil.

For details, call 03-79542020 (MBPJ 24-hour hotline) or email aduan@mbpj.gov.my



(Above) Business operators are complaining about the dust caused by the project in Jalan Yong Shook Lin.

(Left) MBPJ says the interlocking pavers have to be changed as the size of the damaged area is almost half the road.

Abandoned cars raise health concerns in Tmn Sri Muda

By PRIYA MENON
priya@thestar.com.my

CARS abandoned in Taman Sri Muda, Shah Alam are ideal spots for mosquitoes to breed.

Residents near the commercial lots in Jalan 25/43 and Jalan 25/66 say they have had a number of dengue cases in the area since early this year.

Taman Sri Muda Zone A residents association chairman T. Mogan said the cars were left there for more than a year and the residents were worried as the wet season was back.

"It has been raining every day lately and we have found pools of water inside the vehicles which are perfect for mosquitoes to breed," he said.

Apart from that, customers going to the shops and workshops in the area have had a hard time finding parking as the abandoned vehicles are on council parking lots.

A worker at a nearby workshop, Steven Choo, said the cars were brought at night after the shops close.

He said they had no idea who the culprits were but the vehicle parts had gone missing every night, bit by bit.



These cars have been abandoned at the commercial area along Jalan 25/43 and Jalan 25/66 for more than a year.

"One minute the spot is empty and the next morning we see abandoned cars with missing tyres," he said.

Asked if anyone had contracted dengue in the last few months, Choo said several workers from the workshops were down with dengue.

Both Choo and Mogan have lodged complaints with the police and Shah Alam City Council (MBSA) but no action has been taken so far.

MBSA had pasted a notice on the abandoned vehicles requesting the owners to remove them or risk

having them towed. The notices were placed in March but the cars are still there.

"I was referred to the police when I complained to MBSA but the police say they have nothing to do with the problem, so where do we go?" asked a frustrated Mogan.

Choo said he had alerted MBSA officers who turn up regularly at the workshops to inspect for mosquito larvae but to no avail.

He said something should be done before it was too late.

When contacted, MBSA Corporate Communications head Shahrin

Ahmad said the council had to follow several steps before an abandoned vehicle was disposed.

"We will stick a notice on the car for the owner to remove it and, at the same time, contact the police to check if the vehicle is in the list for cases under their jurisdiction," he added.

"Apart from that, the council will place advertisements on the abandoned vehicles. Only after all these procedures are followed, the car will be towed to our depot. The list of abandoned cars will then be handed over to our disposal committee for further action," he said.

Guided U-turn on Jalan Kemajuan starts today

Traffic lights in front of hypermarket removed to ensure better traffic flow

THERE will be changes to the traffic system at Jalan Kemajuan, Subang Jaya effective 7am today.

With the traffic lights in front of Aeon Big hypermarket removed, the road will be turned into a loop.

Subang Jaya assemblyman Hannah Yeoh said the U-turn in front of Subang Parade Shopping Centre had been redesigned to facilitate better traffic flow.

"Previously it was a sharp turn; now it is a guided U-turn and the lane has been widened.

"The cost for the U-turn and removal of traffic lights was borne by Sime Darby, under the council's conditions," she said.

Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) president Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan said council enforcement officers would be stationed to control traffic along Jalan Kemajuan today.

"We will also ask the traffic police for assistance. Hopefully, the changes will improve

traffic flow," he said, adding that RapidKL and Selangorku bus drivers would be informed to drop off passengers further from the U-turn.

MPSJ Zone 1 residents committee (JKP) secretary A.B. Naicker, an engineer, said illegal parking in front of Subang Parade contributed to the traffic congestion.

"There are three lanes but one is taken up by illegal parking, so people tend to drop off in the middle lane. Sometimes buses stop in the middle too because taxis are parked at the bus stop, leaving only one lane for motorists, hence the traffic congestion.

"For the first few weeks, there will be teething problems because people are still getting used to the changes," he said.

Yeoh urged motorists not to park illegally in front of Subang Parade.

"Subang Parade has told tenants and shoppers to avoid parking illegally in front of the mall. I cannot understand the mindset of people who can go shopping yet do not want to pay for parking," she added.